



# LEMBAGA JURUUKUR BAHAN MALAYSIA BOARD OF QUANTITY SURVEYORS MALAYSIA

Tingkat 17, Ibu Pejabat JKR, Blok F, Jalan Sultan Salahuddin, 50582 Kuala Lumpur.

**YANG DI PERTUA:**

DATO' Sr AZIZ BIN ABDULLAH, CQS  
DIMP, AMN, MRISM

**PENDAFTAR:**

Sr ROZIYAH BINTI ISMAIL, CQS, PPC  
FRISM

**SETIAUSAHA:**

Sr JAMISAH BINTI IBRAHIM, CQS  
MRISM



( ∞ ) dlm.KKR/LJBM/677 (5) JLD 20 - 19/02/.....<sup>457</sup>

30hb Januari 2019

**KEPADA PENGANJUR SEMINAR/KURSUS  
AGENSI/PENGANJUR SWASTA/BADAN BERKANUN/UNIVERSITI**

YBhg Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**KEMASKINI KEHADIRAN JURUUKUR BAHAN BERDAFTAR DI SEMINAR/KURSUS  
ANJURAN AGENSI/PENGANJUR SWASTA/BADAN BERKANUN/UNIVERSITI**

Dengan hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Maklumbalas yang diterima daripada Juruukur Bahan Berdaftar semasa tempoh pembaharuan pendaftaran 2019, mendapati kebanyakan penganjur tidak mengemaskini kehadiran peserta kursus di sistem`online` RQsys seperti diwajibkan sebelum ini.

3. Kami ingin menarik perhatian YBhg.Dato'/Tuan/Puan bahawa kemaskini tersebut adalah **WAJIB** dilakukan oleh pihak penganjur. Kegagalan akan menyebabkan peserta tidak dapat mengumpul mata CPD dan seterusnya menyukarkan pembaharuan pendaftaran. Lembaga Juruukur Bahan Malaysia juga telah menetapkan bahawa penganjur yang gagal berbuat demikian akan disenaraihitamkan dan permohonan mata CPD tidak akan dipertimbangkan selagi senarai nama peserta dikemaskini.

4. Disamping itu pihak YBhg.Dato'/Tuan/Puan perlu memohon mata CPD **DUA BULAN** sebelum program dijalankan. Kelewatan akan dikenakan denda seperti berikut:

- i) Permohonan yang kurang dari sebulan dikenakan bayaran tambahan sebanyak RM1,000.00
- ii) Permohonan yang kurang dari dua minggu bayaran tambahan yang dikenakan adalah sebanyak RM2,000.00

Sekian untuk makluman dan tindakan YBhg.Dato'/Tuan/Puan selanjutnya.

Dengan Perintah Lembaga,

Sr ROZIYAH BINTI ISMAIL, CQS

Pendaftar

Lembaga Juruukur Bahan Malaysia

s.k

Juruukur Bahan Professional (PQS) / Consultant (CQS)

Juruukur Bahan Provisional (PVQS), QST